

Headline	Klinik UPSR dedah cara terbaik ulang kaji pelajaran		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	L-F8	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	Rosdi Ismail	AdValue	MYR 14,422
Frequency	Daily	PR Value	MYR 43,267



Klinik UPSR dedah cara terbaik ulang kaji pelajaran

» Calon berpeluang baiki kelemahan diri, belajar lebih sistematik

Oleh Rosdi Ismail
rosdi@bharian.com.my

► Masai

Klinik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) BH Didik (Fasa 1) memberi pendedahan awal kepada peserta mengenai kaedah terbaik mengulang kaji pelajaran sebagai persiapan menduduki peperiksaan UPSR, September ini.

Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) Masai, Johor, Samsilawati Mohd Sharif, berkata peserta mendapat bimbingan daripada guru pakar bagi membolehkan mereka mendapat mengatasi kelemahan dengan belajar secara sistematik.

Pada peringkat awal, beliau berkata murid memerlukan bimbingan berterusan supaya lebih bersemangat dan tekun membuat latihan.

“Guru pakar turut berkongsi mengenai topik penting dan perlu diberi perhatian khusus selain mengelakkan daripada melakukan kesalahan berulang,” katanya ketika ditemui pada program berkenaan di Dewan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) MITEC, Bandar Seri Alam, Johor.

Program dua hari disertai 180 calon UPSR sekitar Johor Bahru, Tampoi, Masai, Pasir Gudang, Kota Tinggi dan Larkin.

Pengisian aktiviti dimuatkan dengan empat slot ceramah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Seorang peserta, Farah Farhanah Isa Din, berkata dia ber-



Sebahagian peserta Klinik UPSR BH Didik 2013 (Fasa 1) peringkat Masai, Johor Bahru di UniKL MITEC, Bandar Seri Alam, Johor Bahru menunjukkan kad akses guru.net.my yang diberi percuma.

[FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM / BH]

“Guru pakar turut berkongsi mengenai topik penting dan perlu diberi perhatian khusus, selain mengelakkan daripada melakukan kesalahan berulang”

Samsilawati Mohd Sharif,
Guru Bahasa Melayu

tua kerana dapat bimbingan awal mengenai proses belajar secara berkesan yang disampaikan penceramah terdiri daripada guru pakar.

Murid SK Sri Perani, Kota Tinggi, Johor, berkata dia memperoleh banyak maklumat tambahan mengenai cara belajar terutama bagi mengelak melakukan kesilapan ketika menjawab soalan.

Katanya, program itu memberi bimbingan mengulang kaji pelajaran secara berkesan dan membuat latihan soalan tahun sebelumnya.

Najiha Nur Nadhirah Abdul Rahman pula berkata, dia seronok menyertai klinik itu kerana dapat bertukar fikiran dan pengetahuan dengan

rakan dari sekolah berlainan.

“Proses pembelajaran secara interaktif juga begitu menyeronokkan dan soalan yang diajukan juga memberi peluang peserta menjawab.

“Setiap jawapan yang tidak tepat akan diperbetulkan supaya murid dapat memahaminya,” kata murid SK Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang, Johor.

Aiman Haikal Zainuddin pula berkata, klinik itu memberi peluang kepadanya meningkatkan kelemahan diri dengan belajar secara sistematik.

“Guru pakar juga memberi bimbingan mengenai strategi belajar secara berkesan,” kata murid SK Taman Rinting (2), Masai, Johor.